

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
1.	Apakah Platform Jual Beli Syer di portal CBP-OnE?	Platform Jual Beli Syer CBP-OnE ialah kemudahan yang disediakan bagi membolehkan anggota membeli syer daripada anggota yang telah memohon berhenti keanggotaan dan bersetuju untuk menjual syer mereka.
2.	Apakah tujuan Platform Jual Beli Syer di CBP-OnE diwujudkan?	Platform ini diwujudkan bagi memberi peluang kepada anggota yang sedang dalam tempoh notis berhenti keanggotaan selama 12 bulan untuk menjual syer mereka kepada anggota lain yang berminat menambah pegangan syer. Melalui platform ini, anggota yang bersetuju menjual syer berpeluang menerima pemulangan wang syer lebih awal berbanding tempoh 12 bulan yang ditetapkan, tertakluk kepada syer tersebut berjaya dibeli oleh anggota lain dalam tempoh notis berhenti keanggotaan.
3.	Bilakah platform ini mula dibuka?	Platform pindahan syer melalui Jual Beli di CBP-OnE dibuka mulai 1 Julai 2026 .
4.	Di manakah saya boleh mengakses "Pembelian Syer" ini?	Platform ini boleh diakses melalui Portal CBP-OnE menerusi menu "Permohonan" >> "Syer Anggota" >> "Pembelian Syer" .
5.	Siapakah yang boleh membeli syer?	Semua anggota Individu dan anggota Koperasi yang aktif boleh memohon untuk membeli syer melalui menu "Pembelian Syer" di Portal CBP-OnE.
6.	Bagaimanakah cara untuk membeli syer?	Langkah-langkah adalah seperti berikut: 1. Layari menu "Pembelian Syer" di Portal CBP-OnE. 2. Pilih syer yang ingin dibeli. 3. Sahkan akad jual beli secara digital. 4. Masukkan TAC yang diterima. 5. Transaksi berjaya dan notifikasi akan dihantar.
7.	Siapakah yang boleh menjual syer?	Hanya anggota Individu yang telah mengemukakan permohonan berhenti keanggotaan (notis 12 bulan) dan bersetuju menjual syer mereka melalui Platform Jual Beli Syer CBP-OnE.

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
8.	Bolehkah anggota Koperasi menjual syer melalui platform ini?	Tidak. Kemudahan jualan syer melalui platform ini hanya dibuka kepada anggota individu yang memohon berhenti keanggotaan.
9.	Bagaimanakah cara untuk menjual syer?	Semasa membuat permohonan berhenti keanggotaan, anggota boleh memilih pilihan " Setuju Menjual Syer ", memberikan perakuan Waad dan lantikan Wakalah kepada CBP serta mengesahkan permohonan menggunakan TAC.
10.	Adakah semua anggota yang berhenti keanggotaan akan dipaparkan dalam Platform Jual Beli Syer?	Tidak. Platform Jual Beli Syer CBP-OnE hanya akan memaparkan senarai anggota individu yang telah mengemukakan permohonan berhenti keanggotaan (notis 12 bulan) dan bersetuju untuk menjual syer mereka melalui platform ini. Anggota yang memilih untuk menjual syer perlu memberikan persetujuan melalui perakuan Waad dan lantikan Wakalah kepada CBP semasa permohonan berhenti keanggotaan.
11.	Adakah anggota yang memohon berhenti keanggotaan wajib menjual syer mereka?	Tidak. Penjualan syer adalah pilihan , bukan satu kewajipan. Anggota boleh memilih sama ada: • Tidak menjual syer dan meneruskan proses pemberhentian anggota mengikut prosedur sedia ada; atau • Bersetuju menjual syer melalui Platform Jual Beli Syer CBP-OnE.
12.	Apakah yang berlaku sekiranya syer tidak berjaya dijual dalam tempoh notis 12 bulan?	Sekiranya syer tidak berjaya dijual dalam tempoh notis 12 bulan, permohonan akan diproses mengikut peraturan dan prosedur pemulangan syer yang berkuat kuasa pada ketika itu.
13.	Bolehkah anggota membatalkan permohonan berhenti keanggotaan selepas syer berjaya dijual?	Tidak. Anggota yang telah bersetuju untuk menjual syer melalui Platform Jual Beli Syer CBP-OnE dan syer tersebut telah berjaya dibeli oleh anggota lain tidak dibenarkan membatalkan permohonan berhenti keanggotaan.

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
		Oleh itu, anggota hendaklah memastikan keputusan untuk berhenti keanggotaan dan menjual syer melalui platform ini dibuat dengan teliti sebelum memberikan persetujuan dan pengesahan transaksi.
14.	Adakah penjual perlu mencari pembeli sendiri?	Tidak. Syer yang ditawarkan untuk dijual akan dipaparkan dalam platform dan boleh dilihat oleh anggota yang berminat membeli syer.
15.	Berapa lama syer akan dipaparkan untuk jualan?	Syer akan dipaparkan sehingga: • Syer berjaya dijual; atau • Tempoh 12 bulan daripada tarikh permohonan berhenti keanggotaan tamat, yang mana terdahulu.
16.	Adakah transaksi ini selamat?	Ya. Semua transaksi memerlukan pengesahan menggunakan Transaction Authorisation Code (TAC) bagi memastikan keabsahan dan keselamatan urus niaga. Bagi proses pindahan syer pula dilaksanakan oleh staf CBP diluar portal CBP-One.
17.	Adakah pembeli dan penjual perlu berurusan secara langsung?	Tidak. Urusan dijalankan melalui Platform Jual Beli Syer CBP-OnE bagi memastikan proses lebih teratur dan telus.
19.	Adakah penjual akan dimaklumkan apabila syer mereka berjaya dijual?	Ya. Penjual akan menerima notifikasi ke alamat emel yang didaftarkan apabila urusan jual beli syer berjaya disahkan oleh pembeli.
20.	Pada nilai berapakah syer akan dijual?	Semua urusan jual beli syer melalui Platform Jual Beli Syer CBP-OnE dilaksanakan pada nilai nominal syer CBP.
21.	Adakah pembeli dan penjual boleh menetapkan harga jualan sendiri?	Tidak. Semua transaksi jual beli syer melalui Platform Jual Beli Syer CBP-OnE adalah berdasarkan nilai nominal syer CBP. Tiada rundingan harga antara penjual dan pembeli dibenarkan melalui platform ini.

BIL.	SOALAN	JAWAPAN															
22.	Adakah terdapat caj yang dikenakan?	Ya. Caj Yuran Proses / Struktur akan dikenakan kepada pembeli berdasarkan amaun pindahan syer. Selain itu, SST sebanyak 8% turut dikenakan ke atas Yuran Proses / Struktur yang berkenaan. Jadual Yuran Proses / Struktur <table> <tr> <th>Amaun Pindahan Syer</th><th>Caj Yuran Proses / Struktur</th><th>SST (8%)</th></tr> <tr> <td>RM5,000 dan ke bawah</td><td>RM 50.00</td><td>RM 4.00</td></tr> <tr> <td>RM5,001 - RM15,000</td><td>RM 75.00</td><td>RM 6.00</td></tr> <tr> <td>RM15,001 - RM25,000</td><td>RM 100.00</td><td>RM 8.00</td></tr> <tr> <td>Melebihi RM25,000</td><td>RM 125.00</td><td>RM 10.00</td></tr> </table>	Amaun Pindahan Syer	Caj Yuran Proses / Struktur	SST (8%)	RM5,000 dan ke bawah	RM 50.00	RM 4.00	RM5,001 - RM15,000	RM 75.00	RM 6.00	RM15,001 - RM25,000	RM 100.00	RM 8.00	Melebihi RM25,000	RM 125.00	RM 10.00
Amaun Pindahan Syer	Caj Yuran Proses / Struktur	SST (8%)															
RM5,000 dan ke bawah	RM 50.00	RM 4.00															
RM5,001 - RM15,000	RM 75.00	RM 6.00															
RM15,001 - RM25,000	RM 100.00	RM 8.00															
Melebihi RM25,000	RM 125.00	RM 10.00															
23.	Siapakah yang menanggung Yuran Proses / Struktur dan SST?	Pembeli syer bertanggungjawab menanggung Yuran Proses / Struktur dan SST yang berkaitan bagi urusan pindahan syer.															
24.	Apakah yang akan berlaku sekiranya baki Akaun Simpanan CBP pembeli tidak mencukupi?	Pembeli hendaklah memastikan baki dalam Akaun Simpanan CBP sentiasa mencukupi untuk menampung: - Amaun pembelian syer; - Yuran Proses / Struktur; dan - Caj SST 8% yang berkaitan. Sepertimana yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat Platform Jual Beli Syer CBP-OnE, pihak CBP akan terus MENOLAK permohonan pembelian syer (tanpa memberi notifikasi peringatan) sekiranya baki dalam Akaun Simpanan CBP pembeli tidak mencukupi semasa proses pelaksanaan transaksi pindahan syer dilakukan.															
25.	Berapakah tempoh masa bagi proses pindahan syer melalui jual beli?	Proses pindahan syer akan dilaksanakan dalam tempoh 14 hari bekerja selepas semua syarat dan keperluan transaksi dipenuhi. Ini termasuk: Pengesahan akad jual beli;															

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
		• Pengesahan TAC; • Semakan dan kelulusan oleh pihak CBP; dan • Kecukupan baki Akaun Simpanan CBP pembeli bagi menampung keseluruhan amaun yang perlu diselesaikan termasuk jumlah pembelian syer, yuran proses/struktur dan caj SST atas yuran proses/struktur.
26.	Adakah penjual dan pembeli akan menerima notifikasi selepas proses pindahan syer selesai?	Ya. Setelah proses pelaksanaan pindahan syer selesai, penjual dan pembeli akan menerima notifikasi melalui emel sebagai makluman bahawa urusan jual beli syer telah berjaya disempurnakan. Emel notifikasi akan memaklumkan bahawa: "Proses Jual Beli Selesai" dan pemindahan syer telah berjaya dilaksanakan oleh pihak CBP.
27.	Apakah manfaat platform ini kepada anggota?	Antara manfaat platform ini ialah: • Memberi fleksibiliti kepada anggota yang ingin berhenti. • Membolehkan anggota berpeluang menerima pemulangan wang syer lebih awal. • Memudahkan anggota menambah pegangan syer. • Menyediakan proses jual beli syer yang lebih telus. • Pengesahan transaksi oleh penjual dan pembeli. Menggunakan platform rasmi CBP-OnE yang lebih teratur dan dipercayai.
28.	Siapakah yang boleh dihubungi sekiranya saya memerlukan bantuan lanjut?	Membership & Investor Relations Department No Tel : ☎ 03-2638 2700 Alamat Emel : ✉ anggota@cbp.com.my